

Bajet 2017: Utamakan rakyat miskin

Bajet 2017 yang akan dibentangkan oleh Perdana Menteri



SN 13/10
mencari jalan untuk membolehkan rakyat membeli rumah yang mampu dimiliki mereka sendiri.

"Kerajaan sedar sejak beberapa tahun kebelakangan ini, harga rumah terus melambung naik sehingga menyebabkan ramai rakyat tidak mampu membeli rumah dan menanggung kadar pinjaman yang dikenakan oleh bank dan institusi kewangan," kata Chee Leong kepada *China Press*.

Ramai pekebun perlukan Pati

MCA akan cuba menyelesaikan masalah kekurangan pekerja asing tanpa izin (Pati) yang dialami dalam sektor perladangan di Cameron Highlands yang dilihat semakin kritikal sejak kebelakangan ini, lapor *Sin Chew Jit Poh*.

Untuk itu, Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Wee Ka Siong berkata, beliau dan presidennya, Datuk Seri Liow Tiong Lai akan mengemukakan masalah tersebut kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dalam masa terdekat.

"Ramai pekebun sayur, buah-buahan, bunga dan penternak di sekitar kawasan

Cameron Highlands, Kedah, Perak dan Johor merungut mereka sukar melakukan kerja-kerja penanaman akibat kekurangan tenaga kerja daripada Pati. Saya dan Tiong Lai akan cuba membangkitkan perkara ini kepada perdana menteri dan timbalan perdana menteri," katanya.

Menurut Ka Siong, walaupun sebelum ini pihak kerajaan telah mengumumkan untuk membenarkan sektor perladangan mengubah pekerja asing, namun ia hanya ditujukan kepada perladangan di ladang kepala sawit sahaja.

"Ini menyebabkan sektor-sektor yang melibatkan penanaman sayur, buah-buahan, bunga dan penternakan menghadapi kekurangan tenaga pekerja asing yang serius," katanya.

Ka Siong memberitahu, kerajaan tidak boleh mengabaikan sumbangan yang diberikan golongan pekebun terutama sekali di Cameron Highlands memandangkan ia adalah pengeluar bung kekwa yang ketiga terbesar di dunia dengan jumlah eksport mencecah RM200 juta setahun.

Tiada Note 7 dijual di Malaysia

Telefon bimbit Galaxy Note 7 keluaran Samsung yang dikaitkan dengan beberapa

kes terbakar atau meletup sejak akhir-akhir ini disahkan masih belum dijual dalam pasaran negara kita.

Mengikut tinjauan yang dibuat oleh *China Press*, telefon berkenaan dipercayai masih belum dijual di kedai-kedai jualan telefon bimbit di negara kita walaupun ia telah memasuki ke serata dunia beberapa bulan yang lalu.

Samsung membatalkan penjualan Galaxy Note 7 di negara kita yang sepatutnya dilancarkan pada pertengahan Ogos lalu setelah telefon bimbit berkenaan mengalami banyak masalah sehingga mampu mengancam nyawa pengguna.

Menurut akhbar ini, biarpun belum dijual dalam pasaran tempatan, difahamkan terdapat segelintir pengguna di negara kita telah menempah telefon jenis tersebut daripada luar negara.

Demi memikirkan keselamatan, Samsung Malaysia telah meminta sesiapa yang memiliki telefon bimbit jenis ini diminta hubungi syarikat tersebut untuk tindakan selanjutnya.

Samsung turut mengambil keputusan meminta semua peruncit global berhenti menjual dan menukar ganti Galaxy Note 7 sementara menunggu siasatan dijalankan.